



TEKS UCAPAN

**YBHG PROF. DATUK TS. DR. AHMAD FAUZI BIN ISMAIL
NAIB CANSOLOR UTM**

**MAJLIS PELANCARAN JUALAN HARTANAH IOI
PROPERTIES
(D'SUMMIT & THE PLATINO)
KEPADA WARGA DAN SAUDARA-MARA WARGA UTM**

**TARIKH: 4 APRIL 2021
MASA: 11.00 PAGI
DEWAN BANKUET, BANGUNAN PENTADBIRAN
SULTAN IBRAHIM
UTM JOHOR BHARU**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Selamat pagi

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terima kasih kepada Pengacara Majlis

Yang Berusaha Tuan Haji Nor Izuddin Bin Md Kassim,
Penolong Pengurus Besar IOI Properties Group Berhad

Yang Berusaha Prof. Dr Mohd Zaki bin Kamsah, Pengerusi
Bahagian Pemajuan, UTM

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Yusof bin Boon, Pengarah
Endowmen, Bahagian Pemajuan, UTM

Pegawai-pegawai kanan Universiti

Pegawai IOI Properties Group Berhad

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Syukur saya ke hadrat Allah subhanahu wa ta'ala kerana dengan limpah kurnianya dapat kita bersama pada pagi ini dalam Majlis Pelancaran Jualan Hartanah IOI Properties Kepada Warga dan Saudara-Mara Warga UTM.

Saya bagi pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM) amat berbesar hati dan mengalu-alukan kedatangan Yang Berusaha Tuan Haji Nor Izuddin Bin Md Kassim, Penolong Pengurus Besar IOI Properties Group Berhad bersama delegasi. SELAMAT DATANG KE UTM!

Hadirin sekalian,

Izin saya untuk berkongsi serba sedikit mengenai Endowmen UTM khususnya kepada delegasi dari IOI Properties. UTM sentiasa berusaha ke arah pembangunan dan pencapaian dalam pelbagai bidang penyelidikan dan pembelajaran, melalui pendekatan dan hubungan kerjasama yang strategik khususnya dalam usaha untuk meningkatkan penjanaan kewangan dan endowmen Universiti dalam tempoh jangka panjang. Unit Endowmen UTM yang ditubuhkan pada 2009 secara berterusan mencari pelbagai

inisiatif baharu membuat jalinan dan bekerjasama dengan pihak industri, pihak korporat, filantropik, dan individu untuk meningkatkan lagi dana endowmen bagi membantu pelajar B40 UTM yang sangat memerlukan bantuan kewangan sepanjang pengajian di UTM.

Selain menerima sumbangan berbentuk tunai daripada staf, pelajar, pesara, alumni, dan pihak luar, Unit Endowmen UTM juga telah melaksanakan inisiatif yang lain bagi menjana pendapatan antaranya melalui projek jualan air mineral endowmen, projek buku endowmen, jualan cenderamata iaitu topi, model kapal terbang AirAsia-UTM, bekas makanan guna semula, *hand sanitiser*, face mask dan seumpamanya. Projek penjanaan Tabung Endowmen dengan sasaran yang tinggi dan sedang berlangsung sekarang adalah penjualan nombor pendaftaran kenderaan khas "UTM".

Projek-projek Endowmen yang sedang berjalan seperti yang dinyatakan di atas dan pada masa terdekat akan dilancarkan beberapa projek yang lain adalah selari dengan cadangan sumber penjanaan Tabung Endowmen UTM yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemegang Amanah

Endowmen UTM, iaitu sumbangan/wakaf, program, projek dan hartanah.

Hadirin sekalian,

Pada kesempatan ini terima kasih kepada Unit Endowmen, Bahagian Pemajuan UTM yang telah mencari peluang baharu bekerjasama dengan syarikat gergasi dalam pengurusan hartanah iaitu IOI Properties Group Berhad, yang merupakan salah sebuah organisasi korporat yang berjaya dan berkembang maju serta amat prihatin dan tidak mengabaikan tanggungjawab sosial untuk membantu masyarakat Malaysia yang memerlukan.

Atas keprihatinan tersebut baru-baru ini, melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat, IOI Properties Group Berhad melalui dua (2) anak syarikatnya **Wealthy Growth Sdn Bhd dan Trilink Pyramid Sdn Bhd** telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Universiti Teknologi Malaysia melalui Unit Endowmen untuk tempoh perjanjian selama satu (1) tahun bagi promosi jualan hartanah di

D'Summit dan The Platino kepada warga dan saudara-mara warga UTM dengan diskaun harga yang sangat menarik .

Kami ibarat:

Kata berjawab, gayung bersambut,

Kecil tapak tangan nyiru kami tadahkan,

Saya mengharapkan kerjasama ini bukan hanya satu yang pertama untuk diakhiri, Biarlah ia menjadi pemangkin dan pencetus kepada kerjasama yang lebih luas dan mantap pada masa hadapan dengan pihak UTM.

UTM juga amat berbesar hati untuk meningkatkan lagi hubungan Kerjasama yang lebih erat antara universiti-industri atau lebih dikenali sebagai *UTM Engage (Industry)* ; di mana kerjasama atau engagement ini memberi peluang kepada kedua-dua pihak meneroka pelbagai lagi inisiatif serta perkongsian kepakaran UTM dengan menjalankan pelbagai program melalui Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Perundingan, Pembangunan Sumber Manusia dan lain-lain bentuk kerjasama yang akhirnya memberikan

manfaat kepada kedua-dua organisasi UTM dan IOI, komuniti dan negara.

Hadirin sekalian,

Antara objektif utama memorandum perjanjian ditandatangani adalah untuk memberi peluang dan membantu warga dan saudara warga UTM yang berhasrat membeli hartanah di bawah IOI Properties iaitu di D'Summit dan The Platino Johor Bahru dengan tawaran diskaun harga yang istimewa dan menarik serta harga yang jauh lebih murah berbanding yang ditawarkan orang awam. Malah, syarikat **Wealthy Growth Sdn Bhd dan Trilink Pyramid Sdn Bhd akan turut menyalurkan komisyen hasil jualan sebanyak satu peratus (1%) daripada setiap unit hartanah yang dijual** ke Tabung Endowmen UTM bagi membantu pelajar yang memerlukan bantuan kewangan, terutama dengan mengambilkira lebih 50 peratus pelajar UTM adalah datang dari keluarga yang kurang berkemampuan atau Bottom 40.

Alhamdulillah! Semoga usaha ini dapat memberi manfaat kepada lebih ramai pelajar yang memerlukan bantuan khususnya yang terjejas dari segi pendapatan keluarga malah sektor ekonomi, perdagangan, pertanian, perindustrian, perkhidmatan dan pendidikan terjejas akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia lebih setahun yang lalu. Marilah kita sama berdoa agar pandemik ini diangkat oleh Allah subhanawaataala dari muka bumi ini.

Hadirin sekalian,

Akhir sekali, UTM sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak IOI Properties Group Berhad atas sokongan dan usaha-usaha untuk membantu warga dan saudara-mara warga UTM memiliki unit kediaman sendiri dan menyalurkan sumbangan dana ke Tabung Endowmen UTM melalui promosi ini. Kepada warga dan saudara-mara warga UTM saya berharap agar tidak melepaskan peluang terbaik ini untuk memiliki pelbagai unit kediaman di D'Summit dan The Platino yang ditawarkan dalam promosi ini. Ucapan terima kasih ini juga

dipanjangkan kepada kepada para hadirin yang sudi hadir
bagi menjayakan majlis pada pagi ini.

**DENGAN LAFAZ BISMILLAH:
“DENGAN INI SAYA MELANCARKAN JUALAN
HARTANAH IOI PROPERTIES D’SUMMIT DAN THE
PLATINO KEPADA WARGA DAN SAUDARA-MARA
WARGA UTM”**

Sekian, terima kasih.

وبالله التوفيقُ والهداية،
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته